

05/09/2001

Globalisasi: Dua isu utama perlu ditangani

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggariskan dua isu utama yang perlu ditangani serentak bagi membolehkan Malaysia menghadapi cabaran globalisasi.

Dua isu itu ialah:

- \* Mempertingkatkan daya saing serta memantapkan ekonomi negara, dan
- \* Mempertahankan keamanan serta kemakmuran negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tiada pilihan melainkan menangani kedua-dua isu itu serentak jika mahu berjaya kerana proses globalisasi yang melanda dunia, tidak boleh dielakkan.

"Walaupun Malaysia akan terus berjuang untuk memberikan nilai kemanusiaan kepada globalisasi daripada sekadar wang kapitalis mengejar keuntungan, kita perlu bersedia untuk perubahan luar biasa yang dibawa fenomena itu.

"Negara perlu bertukar menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan yang berdaya saing dan pada masa yang sama mempertahankan cara hidup serta keamanan dan kestabilannya," katanya pada dialog globalisasi di sini.

Dialog bertajuk 'Globalisasi - Cabaran dan Peluang Bagi Ekonomi Malaysia' itu adalah anjuran bersama firma guaman Skrine serta Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli).

Hadir sama, Rakan Kongsi Kanan Skrine, Chen Kah Leng dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Abdullah berkata, syarikat Malaysia perlu berusaha keras untuk berjaya sama ada di pasaran domestik, serantau atau global dan tidak boleh lagi bergantung kepada bantuan dan sokongan kerajaan.

Katanya, mereka juga perlu mengubah cara berfikir dan bersedia menerima perubahan serta bercita-cita tinggi dan tidak gentar bersaing di pasaran dunia.

"Peranan kerajaan dalam membangunkan potensi daya saing ekonomi negara akan berkisar kepada keupayaan menyediakan iklim ekonomi yang memberi pulangan kepada perniagaan yang berwawasan, dinamik dan inovatif," katanya.

Abdullah berkata, usaha mempertingkatkan daya saing ekonomi negara harus disertai dengan kesanggupan politik kerajaan untuk meneruskan dasar pertumbuhan saksama.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai negara yang pesat membangun, kerajaan sedar akan bahaya ketidakstabilan sosial lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

"Kita perlu meneruskan dan memperbaiki dasar sebelum ini. Kita perlu memastikan bahawa mereka yang benar-benar memerlukan bantuan menerimanya," katanya.

Menjawab soalan hadirin, Abdullah berkata syarikat Malaysia tidak boleh mengharapkan bentuk perlindungan bukan tarif dalam menghadapi saingan syarikat luar, sebaliknya berusaha mencapai kecemerlangan serta berdaya saing.

"Dalam era globalisasi ini kita tidak sepatutnya berfikir bagaimana untuk mendirikan halangan," katanya sambil menambah Malaysia sentiasa berjuang supaya negara lain, khususnya negara maju, tidak mengenakan sebarang bentuk sekatan.

Abdullah juga yakin Malaysia mampu mengharungi cabaran globalisasi dengan cara tersendiri dan mampu mengelak tekanan negara maju kerana pelbagai langkah sudah diambil bagi mempersiapkan rakyat dan negara.

Pada sidang akhbaranya, Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan menyusun semula pengurusan syarikat yang mempunyai kepentingan nasional jika masalah yang dihadapi adalah disebabkan faktor pengurusan.

"Bukan saja penyusunan semula hutang tetapi juga penyusunan semula korporat," katanya.

Mengenai laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Maaysia (Suhakam) berhubung insiden di Lebuhraya Kesas, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis dan kementerian akan mengkaji cadangan badan itu.

(END)